

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS  
2024

**HARI RABU : 23 OKTOBER 2024**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
( SOALAN NO. 11 HINGGA NO. 42 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RIDUAN BIN RUBIN [TENOM]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN RIDUAN BIN RUBIN [TENOM]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan rangkaian kedai serbaneka milik Kerajaan yang berkonsepkan penjualan barangan keperluan asas dengan harga Rahmah bagi mengimbangi impak kenaikan harga barang serta mengurangkan tekanan kos sara hidup rakyat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak 11 Januari 2023, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah melaksanakan Inisiatif Payung RAHMAH MADANI sebagai salah satu inisiatif utama bagi membantu meringankan kos sara hidup rakyat selain menyalurkan bantuan secara langsung kepada golongan yang berpendapatan rendah. Di bawah Inisiatif Payung RAHMAH MADANI terdapat empat program utama yang dilaksanakan oleh KPDN iaitu Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM), Menu RAHMAH, Pakej RAHMAH dan Bakul RAHMAH.

Melalui pelaksanaan Program Jualan RAHMAH MADANI, KPDN dengan kerjasama pemain-pemain industri peruncitan telah menawarkan barangan keperluan asas kepada orang ramai dengan harga antara 10% hingga 30% lebih rendah daripada harga pasaran di premis-premis terpilih, di luar premis peruncitan sedia ada dan melalui Jualan RAHMAH MADANI secara bergerak. Sehingga 7 Oktober 2024, KPDN telah pun melaksanakan PJRM di 7,965 lokasi di seluruh negara yang mana ianya telah memberi manfaat kepada 7.04 juta orang.

KPDN komited untuk terus meningkatkan pelaksanaan program Jualan RAHMAH MADANI ini di masa akan datang bagi membolehkan lebih ramai golongan yang kurang berkemampuan dapat menikmati harga barangan keperluan asas dengan harga RAHMAH.

Selain itu, bagi meningkatkan lagi akses untuk golongan kurang berkemampuan mendapatkan barangan keperluan asas dengan harga RAHMAH, KPDN juga akan memperluaskan konsep pasar-pasar utama di seluruh negara bagi melaksanakan Program Jualan RAHMAH MADANI, Program Jualan RAHMAH di premis atau PJRM @ Pasar dalam masa terdekat.

## **NO SOALAN : 11**

Sehubungan itu, kementerian berpandangan tiada keperluan buat masa ini untuk mewujudkan rangkaian kedai serbaneka seperti yang dicadangkan. Kerajaan akan memberi lebih tumpuan kepada pelaksanaan PJRM dan PJRM @ Pasar bagi mengimbangi impak kenaikan barangan sebagai salah satu cara bagi mengurangkan tekanan kos sara hidup rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk membantu peniaga-peniaga khususnya peniaga-peniaga kecil dan jalanan memandangkan jualan mereka amat merosot ketika ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui agensi-agensinya sentiasa komited dalam melaksanakan pelbagai program yang bersifat inklusif untuk membantu semua usahawan di seluruh negara termasuk penjaja dan peniaga kecil. Dalam hubungan ini, KUSKOP juga telah menyediakan Pelan Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil (P3PK) 2023 – 2027 yang merangkumi 17 strategi dan 29 inisiatif bagi menyokong pertumbuhan serta pembangunan kumpulan penjaja dan peniaga kecil di negara ini.

2. Bagi meningkatkan keberdayaan usahawan khususnya golongan penjaja dan peniaga kecil untuk meningkatkan hasil jualan, antara program khusus yang telah dilaksanakan oleh Kementerian ini dan agensi-agensinya ialah:

- (i) Skim pembiayaan seperti Skim Pembiayaan Mikro untuk Penjaja dan Peniaga Kecil (MPPK) 2.0 di bawah Bank Rakyat dan Skim Pembiayaan Teman TEKUN oleh TEKUN Nasional kepada penjaja dan peniaga kecil. MPPK2.0 merupakan pinjaman tanpa faedah yang telah dilancarkan pada tahun 2022. Sehingga 30 Jun 2024, sejumlah 2,432 usahawan telah menerima manfaat berjumlah RM49.15 juta. Manakala, bagi tahun 2024, Skim Pembiayaan Teman TEKUN telah memberi manfaat kepada seramai 9,285 usahawan dengan pembiayaan sebanyak RM71.53 juta sehingga Ogos 2024;
- (ii) Program Pembudayaan dan Pemerksaan Keusahawanan Penjaja yang menawarkan kursus digitalisasi perniagaan bagi menggalakkan penjaja dan peniaga untuk menyertai dan mengadakan jualan melalui platform digital yang tersedia. Bagi tahun 2024, KUSKOP telah melaksanakan tiga (3) siri program ini di Perlis, Melaka dan Wilayah Persekutuan dengan jumlah penyertaan seramai 554 peserta; dan
- (iii) pameran dan jualan produk usahawan tempatan melalui

## NO SOALAN : 12

program-program anjuran Kementerian seperti *Showcase* Satu Daerah Satu Industri (SDSI) dan Karnival Hari Penjaja dan Peniaga Kecil (HPPK). Penganjuran *Showcase* SDSI di Sabah, Perak dan Johor telah mencatatkan nilai jualan sebanyak RM1.22 juta dan sebanyak RM667,000 telah direkodkan semasa Karnival HPPK Tahun 2023.

3. Selain itu, KUSKOP juga telah menyediakan platform khusus untuk penjaja dan peniaga kecil melalui Majlis Perundingan Penjaja dan Peniaga Kecil (M3PK) serta Majlis Pembangunan Usahawan, Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil Peringkat Daerah (MPUKPPD). Platform ini bertujuan untuk membantu penjaja dan peniaga kecil menyampaikan masalah yang dihadapi oleh mereka melalui persatuan supaya tindakan sewajarnya dapat diambil dengan lebih cepat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
[AMPANG]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL [AMPANG]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan hala tuju Dasar Wanita Negara pasca 2030 terutama strategi dan mekanisme baharu demi mencapai 30% penyertaan wanita dalam proses pembuatan keputusan dalam pelbagai bidang termasuk politik, sektor awam dan korporat, menepati SDG No 5 demi kesaksamaan gender dan pemerksaan wanita.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Kerajaan telah menetapkan sasaran sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor awam pada tahun 2004. Tindakan afirmatif ini telah diambil kira dalam pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Selanjutnya, Kerajaan telah mengumumkan perluasan dasar sekurang-kurangnya 30% wanita pada peringkat pembuat keputusan ini ke sektor swasta pada tahun 2011. Ini mencerminkan komitmen dan pengiktirafan Kerajaan terhadap sumbangan kaum wanita serta melaksanakan pelbagai inisiatif untuk merapatkan jurang gender dan memperkasakan penyertaan wanita dalam peringkat pembuat keputusan.

2. Statistik pada Disember 2022 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menunjukkan penyertaan wanita di peringkat pengurusan tertinggi dalam sektor awam adalah sebanyak 38.9%. Manakala peratus bilangan wanita sebagai lembaga pengarah di syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat tersenarai awam telah melepasi sasaran sekurang-kurangnya 30%. Data oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada Mei 2023 menunjukkan penyertaan wanita sebagai Ahli Lembaga Pengarah di 100 syarikat awam tersenarai (PLC) utama di Malaysia adalah sebanyak 31.4%. Berdasarkan statistik tersebut, dapat dirumuskan bahawa banyak kemajuan telah dicapai terutama dalam usaha memberdayakan wanita khususnya di dalam perkhidmatan awam dan PLC.

3. Di sebalik pencapaian yang baik ini, tidak dinafikan bahawa peratusan penglibatan wanita dalam politik masih kekal menjadi cabaran. Ini dapat dilihat menerusi perwakilan di Parlimen dan juga Dewan-Dewan Undangan Negeri yang rata-rata mempunyai Ahli wanita yang masih rendah. Begitu juga kedudukan wanita sebagai Yang di-Pertua (YDP) Majlis atau Datuk Bandar bagi Pihak-pihak Berkuasa Tempatan yang belum boleh dibanggakan. Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah melaksanakan pelbagai usaha untuk menambah baik kedudukan ini, sama ada melalui program-program pemerksaan kepimpinan wanita mahupun meningkatkan

kesedaran terhadap perkara ini terutamanya di kalangan kepimpinan tertinggi.

4. Antara program yang dilaksanakan oleh KPWKM dalam mencipta sumur bakat wanita yang besar lebih besar adalah melalui Program Perantisan Kepimpinan Wanita (PERANTIS). Objektif program ini adalah untuk meningkatkan bilangan wanita berbakat besar yang antara lain kemudiannya boleh diketengahkan sebagai individu yang layak dan sesuai untuk memegang jawatan tinggi, sama ada di pejabat awam, sektor swasta mahupun memainkan peranan yang lebih berpengaruh di peringkat komuniti. Program ini tidak hanya terhad fokus kepada kategori-kategori tertentu seperti wanita dalam STEM atau keusahawan, malah turut boleh dimanfaatkan untuk wanita dalam politik. Ia selaras dengan usaha KPWKM dalam memperkasa dan meningkatkan penyertaan wanita secara lebih inklusif dalam pelbagai bidang.

5. Sementara itu, bagi memastikan dasar sedia ada sentiasa relevan dalam mencapai agenda memperkasakan wanita seterusnya mencapai kesaksamaan gender, KPWKM menerusi Jabatan Pembangunan Wanita sedang dalam peringkat menyemak semula Dasar Wanita Negara dan pelan tindakannya. Semakan ini bertujuan untuk meneliti dan seterusnya menambah baik strategi serta hala tuju dasar supaya seiring dengan perkembangan semasa dan keperluan masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI**  
**[KUALA LANGAT]**  
**TARIKH : 23 OKTOBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**YB DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI [KUALA LANGAT]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa peruntukan pembangunan kawasan Parlimen yang telah dibelanjakan di kawasan Parlimen pembangkang khususnya di Kuala Langat dan siapakah yang bertanggungjawab menyelaraskan peruntukan tersebut.

**JAWAPAN****YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan *Rolling Plan 4* (RP4), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), peruntukan pembangunan serta perbelanjaan kawasan Parlimen Kuala Langat bagi tahun 2024 adalah seperti perincian berikut:

<b>Jumlah Program/Projek</b>	<b>Jumlah Peruntukan (RM)</b>	<b>Jumlah Belanja (RM)</b>
<b>33</b>	<b>73,660,600.00</b>	<b>44,915,812.13</b>

*Sumber data: Maklumat dijana daripada Sistem MyProjek sehingga 7 Oktober 2024*

2. Manakala Kementerian yang bertanggungjawab menyelaraskan peruntukan program / projek di kawasan Parlimen Kuala Langat adalah seperti perincian berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Kementerian</b>	<b>Jumlah Program/Projek</b>
1.	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	12
2.	Kementerian Belia dan Sukan (KBS)	6
3.	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)	6
4.	Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)	3
5.	Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	3
6.	Kementerian Sumber Manusia (KESUMA)	1
7.	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)	1
8.	Kementerian Kerja Raya (KKR)	1
<b>Jumlah</b>		<b>33</b>

*Sumber data: Maklumat dijana daripada Sistem MyProjek sehingga 7 Oktober 2024*

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK  
BEGRI [BETONG]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**YB DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI [BETONG]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan strategi Kementerian dalam membangunkan ekosistem sains, teknologi dan inovasi di kawasan luar bandar khususnya di Sarawak. Perincikan peranan Pusat Pembangunan Penyelidikan (RDC) di Sibu dalam mempromosikan nilai-nilai sains, teknologi, inovasi dan ekonomi (STIE) dalam kalangan masyarakat setempat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Ekosistem inovasi sosial merujuk kepada jaringan interaksi antara pelbagai pihak termasuk individu, organisasi, kerajaan dan komuniti. Semua pihak berkenaan berkolaborasi untuk menciptakan penyelesaian atau solusi yang inovatif terhadap isu-isu sosial yang dihadapi dalam kalangan komuniti. Ekosistem tersebut disokong oleh sumber-sumber pendanaan, latihan, pembangunan kapasiti dan dasar serta peraturan yang kondusif.
2. Dalam konteks masyarakat di Sarawak, beberapa isu yang sering menjadi perhatian umum adalah mengenai pembangunan komuniti tempatan, kesihatan, ekonomi kreatif, teknologi dan digitalisasi. Isu-isu tersebut adalah penting dalam usaha pembangunan transformasi masyarakat di Sarawak.
3. Dalam hubungan ini, dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak telah menubuhkan satu badan yang dinamakan TEGAS (*Technology Ecosystem & Government Advisory Services*) bagi membantu mempromosikan inisiatif inovasi sosial dan mewujudkan impak yang positif bagi masyarakat Sarawak. Oleh itu, MOSTI melalui Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) akan menjalinkan kolaborasi strategik dan bekerjasama dengan pihak TEGAS dalam bidang-bidang seperti penciptaan solusi inovatif, pengukuhan ekosistem inovasi dan projek-projek inovasi sosial yang bersesuaian. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat juga, pada masa ini, pihak MOSTI telah sedia bekerjasama dengan Sarawak Digital Economic Corporation (SDEC), Pustaka Negeri Sarawak Cawangan Miri, Kolej Vokasional Miri dan Sibu Digital Innovation Hub (Sibu DIH).
4. Bagi mempergiatkan aktiviti STIE di kawasan luar bandar khususnya Sarawak, MOSTI melalui YIM telah membangunkan dua (2) buah fasiliti Ruang Daya Cipta (RDC) masing-masing di

Sibu dan Miri. Sehingga kini sebanyak **20 modul latihan** berkaitan STIE telah dilaksanakan di RDC Sibu dengan penglibatan seramai **195 orang** peserta dalam kalangan murid sekolah, pelajar IPT, belia dan komuniti tempatan. RDC Sibu juga telah menjalankan kolaborasi bersama **enam (6) rakan strategik** dalam kalangan agensi negeri, sekolah dan pemain industri.

5. Manakala bagi RDC Miri pula, sebanyak **24 modul latihan** telah dijalankan dengan penglibatan seramai **527 orang** peserta dalam kalangan murid sekolah, pelajar IPT, belia dan komuniti tempatan. RDC Sibu juga telah menjalankan kolaborasi bersama **lapan (8) rakan strategik** dalam kalangan agensi negeri, sekolah dan pemain industri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM [ARAU]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM [ARAU]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan perancangan Kementerian untuk memajukan industri pelancongan di negeri-negeri bersempadan negara Thailand terutamanya daripada aspek pembangunan infrastruktur dan kemudahan pelancongan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sentiasa memberi perhatian terhadap aspek pembangunan infrastruktur asas dan kemudahan pelancongan dalam memajukan industri pelancongan di negeri-negeri bersempadan negara Thailand. MOTAC juga sentiasa bekerjasama rapat dengan semua Kerajaan Negeri, termasuklah Kerajaan Negeri Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan dalam memastikan infrastruktur asas dan kemudahan pelancongan utama di Malaysia berada dalam keadaan selamat dan selesa.

2. Untuk makluman, hasil dari perbincangan dengan Kerajaan Negeri, MOTAC telah memohon dengan Kementerian Ekonomi peruntukan bagi pelaksanaan sebanyak lapan (8) projek pembangunan dan penyelenggaraan di negeri-negeri bersempadan dengan Thailand di bawah RP5, RMKe-12 bagi tahun 2025. Sehingga kini, cadangan projek-projek tersebut masih dalam pertimbangan Kementerian Ekonomi.

3. Sehubungan itu, MOTAC mengalu-alukan cadangan oleh Ahli Yang Berhormat dan bersedia untuk mempertimbangkan sebarang cadangan projek baharu untuk dilaksanakan di negeri-negeri yang bersempadan dengan Thailand. Walau bagaimanapun, saya mohon supaya Ahli Yang Berhormat dapat berbincang terlebih dahulu dengan Kerajaan Negeri yang terlibat untuk memastikan permohonan projek pembangunan, penyelenggaraan dan infrastruktur pelancongan yang dicadangkan adalah disokong dan seiring dengan keutamaan Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI UTAMA IR. HASNI BIN  
MOHAMMAD [SIMPANG RENGAM]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK SERI UTAMA IR. HASNI BIN MOHAMMAD [SIMPANG RENGAM]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan bagaimana Kementerian merancang untuk menangani risiko perubahan iklim seperti kenaikan aras laut, banjir dan peningkatan suhu dalam Pembangunan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura yang berpotensi memberi kesan terhadap infrastruktur serta pelaburan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) sedar akan risiko bencana hidro-iklim yang disebabkan oleh impak perubahan iklim terhadap Pembangunan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura seperti kejadian banjir akibat episod hujan ekstrem, senario kenaikan aras laut yang berisiko menyebabkan hakisan dan banjir di kawasan pesisir pantai serta risiko peningkatan suhu dan episod pengurangan hujan semasa musim kering yang membawa kepada pelbagai masalah kesihatan, kekurangan sumber air, risiko kebakaran dan jerebu.
2. Dalam usaha untuk menangani impak berkaitan perubahan iklim di Malaysia, Kementerian ini dengan kerjasama dan sokongan daripada Kementerian dan agensi terlibat sedang membangunkan strategi adaptasi yang komprehensif iaitu Pelan Adaptasi Kebangsaan (MyNAP). Antara perancangan dan strategi adaptasi yang akan dipertimbangkan dalam pembangunan MyNAP bagi menghadapi impak bencana hidro-iklim adalah pembinaan infrastruktur yang tahan lasak terhadap bencana hidro-iklim seperti banjir, kenaikan paras laut, dan musim kering, termasuk sistem perparitan dan perlindungan persisir pantai yang lebih berkesan. MyNAP akan memberikan gambaran keseluruhan serta solusi bagi mengurangkan ancaman perubahan iklim di negara kita.
3. Infrastruktur kritikal seperti loji rawatan air dan kemudahan pembekalan tenaga akan ditambahbaik bagi memastikan ianya terus berfungsi walau di musim kering yang melampau. Sistem pengurusan banjir pula akan diperkukuh melalui pendekatan seperti *Nature Based Solutions* (NBS), serta menaik taraf empangan dan saluran untuk meningkatkan keupayaan pengurusan air.
4. Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) yang turut bertanggungjawab memacu pertumbuhan ekonomi di kawasan Iskandar, Johor dengan kerjasama Pakar Teknikal daripada *Climate Technology Centre and Network* (CTCN) sedang membangunkan '*Multi-Hazard Platform*' bagi meramalkan iklim ekstrem dan risiko bahaya yang akan dihadapi oleh Iskandar Malaysia.

## **NO SOALAN : 17**

5. Dalam menangani kesan peningkatan suhu pula, teknologi bangunan hijau dan sumber tenaga boleh diperbaharui akan diperluas dan diintergrasikan dalam pelan pembangunan kawasan industri bagi mewujudkan persekitaran yang lebih mampan. Langkah-langkah seperti penggunaan teknologi cekap air, system penuaian air hujan, dan pembinaan takungan tambahan juga akan membantu memastikan bekalan air yang stabil semasa musim kemarau.

6. Kementerian juga secara aktif bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan, sektor swasta dan perniagaan serta pakar iklim antarabangsa untuk berkongsi amalan terbaik dan menerima pakai penyelesaian yang inovatif. Melalui amalan perkongsian pintar ini, kementerian menasaskan untuk memanfaatkan pelbagai kepakaran bagi menangani perubahan iklim dengan berkesan.

7. Kementerian juga amat komited untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan orang ramai tentang isu perubahan iklim yang melibatkan pelbagai peringkat seperti penglibatan kumpulan rentan dan komuniti tempatan. Melalui bengkel, program komuniti dan inisiatif pendidikan, kementerian menasaskan untuk menggalakkan amalan mampan dan membina budaya daya tahan dalam rantau ini.

8. Gabungan strategi ini dijangka akan dapat meningkatkan daya tahan kelestarian jangka panjang di Malaysia termasuk di Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura dalam memastikan khazanah sumber asli terus dilindungi, sumber air yang mampan, melindungi alam sekitar, menyokong aktiviti ekonomi semasa dalam menghadapi cabaran iklim yang semakin ketara. Usaha berterusan dalam menangani risiko perubahan iklim secara proaktif berupaya untuk melindungi pelaburan dan menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan di rantau ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ALI ANAK BIJU [SARATOK]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK ALI ANAK BIJU [SARATOK]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini perpindahan kuasa serta peranan mengawal selia bekalan gas asli daripada PETRONAS kepada PETROS menjelang 1 Oktober 2024 dan menerangkan apakah implikasi kewangan dan komersial terhadap Petronas dan Kerajaan Persekutuan.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

PETRONAS masih di dalam proses perundingan dengan Kerajaan Negeri Sarawak dan PETROS. Perbincangan ini telah berpanjangan kerana ia melibatkan pelbagai aspek dan impak yang signifikan daripada pelaksanaan Ordinan Pengagihan Gas (Pindaan) 2023 Sarawak dan undang-undang yang sedia ada. Kesemua pihak sedang berusaha untuk mencari penyelesaian yang memenuhi kepentingan dan keperluan semua pihak yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan mengapa harga barang naik kerana Ringgit lemah, tetapi harga barang tidak turun selepas Ringgit kukuh semula. Apakah tindakan Kementerian menurunkan harga barang seharian selepas Ringgit kukuh semula.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pergerakan harga barangan di pasaran sama ada barangan siap yang diimport ataupun bahan mentah diimport bukan hanya dipengaruhi oleh perubahan matawang tetapi juga pelbagai faktor lain seperti kitaran perundangan, keadaan penawaran dan permintaan, perubahan harga komoditi, kos operasi dan imbalan dagangan.

Pengukuhan matawang ringgit berlaku ketara pada penghujung bulan Julai hingga September 2024. Dalam tempoh ini, kategori barangan yang dipantau oleh Kementerian iaitu barangan segar, barangan kering, barangan berbungkus, barangan produk bayi, barangan kebersihan dan barangan minuman menunjukkan 72 barangan segar mengalami kenaikan harga. Walau bagaimanapun kenaikan ini diimbangi dengan penurunan 80 barangan dalam kategori yang sama. Antara barangan yang mengalami kenaikan harga tertinggi adalah kubis bunga (Cauliflower) (1kg) dan yang mengalami penurunan harga terendah adalah tomato (1kg). Bagi kategori barangan lain seperti barangan kering, barangan berbungkus, barangan produk bayi, barangan kebersihan dan barangan minuman, harga adalah lebih stabil dengan kadar kenaikan dan penurunan harga purata kurang daripada 10%.

Perubahan harga barangan ada perkara lumrah yang berlaku bagi negara-negara yang mengamalkan ekonomi pasaran terbuka seperti juga Malaysia. Apa yang penting adalah harga barangan adalah stabil dan tiada perubahan mendadak pada harga barangan. Oleh yang demikian, bagi memastikan kestabilan harga barangan, KPDN melaksanakan inisiatif seperti berikut :

- i. Kawalan Harga Barangan Bersubsidi;
- ii. Kawalan harga tanpa subsidi;
- iii. Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP);
- iv. Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi 2.0 (SKDS 2.0);

- v. Program Penyeragaman Harga Sabah, Sarawak dan Labuan (PPHSSL);
- vi. Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan Community Drumming;
- vii. Kad Diskaun Khas Menu RAHMAH MADANI;
- viii. Program Jualan Rahmah MADANI;
- ix. Tindakan Penguatkuasaan melalui OPS CATUT, OPS TERJAH, OPS TIRIS, OPS MENU, OPS PASAR dan OPS SAMAR; dan
- x. OPS KESAN 2.0 bagi memantau pergerakan harga barang dan perkhidmatan susulan penyasaran semula subsidi diesel di Semenanjung Malaysia.

KPDN sentiasa komited dalam membantu meringankan kos sara hidup warga Malaysia MADANI disamping memastikan kestabilan harga barangan keperluan pengguna serta melaksanakan penguatkuasaan secara berhemah dengan memberi advokasi, nasihat dan kesedaran supaya para pemain industri mematuhi undang-undang yang berkuat kuasa dan mengamalkan perniagaan yang beretika. Pengguna dapat mengikuti perkembangan harga barangan semasa dengan aplikasi PriceCatcher KPDN agar dapat membuat perancangan perbelanjaan dengan lebih bijak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG**  
**[MARANG]**  
**TARIKH : 23 OKTOBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah hasil lawatan Perdana Menteri ke Rusia dari sudut ekonomi, perdagangan dua hala dan kedudukan geopolitik antarabangsa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam mendepani cabaran geopolitik yang kompleks, Malaysia sebagai sebuah negara perdagangan yang terbuka perlu mengambil pendekatan strategik bagi meneroka pasaran baharu serta memastikan jalinan hubungan ekonomi sedia ada kekal utuh serta terus berkembang. Justeru, Malaysia perlu meneruskan usaha untuk meneroka peluang serta meningkatkan hubungan yang produktif dan pragmatik dengan negara-negara rakan dagang sedia ada selain meneroka pasaran baharu dengan negara-negara rakan dagang bukan tradisional.

2. Dalam hal ini, kehadiran YAB Perdana Menteri di Rusia sempena Forum Ekonomi Timur Ke-9 di Vladivostok pada 4 hingga 5 September 2024 telah memberi peluang kepada Malaysia untuk memaparkan kepada masyarakat antarabangsa terutamanya para pelabur dari Rusia mengenai usaha-usaha Kerajaan dalam membangunkan ekonomi negara dan kemudahan-kemudahan yang telah disediakan untuk pelabur asing sebagai daya tarikan untuk melabur di Malaysia, disamping mengetengahkan pendirian Malaysia sebagai sebuah negara perdagangan yang mengamalkan prinsip keterbukaan dan mesra-perniagaan.

3. Lawatan kerja YAB Perdana Menteri ke Persekutuan Rusia merupakan satu usaha yang penting dalam meneruskan kesinambungan hubungan dagangan sedia ada bagi meningkatkan akses pasaran barangan serta perkhidmatan tempatan ke Rusia. Dalam perjumpaan dua hala dengan Presiden Putin, pelbagai perbincangan substantif dalam bidang ekonomi, pengajian tinggi, pelancongan, industri halal dan kesalinghubungan serta perluasan skop kerjasama dalam bidang-bidang baharu seperti peralihan tenaga, aeroangkasa, sains dan teknologi, telekomunikasi dan perbankan/kewangan Islam, telah diadakan.

4. Dari segi kedudukan geopolitik antarabangsa, lawatan YAB Perdana Menteri ke Rusia merupakan satu langkah strategik bagi

memastikan Malaysia terus berada dalam kedudukan terbaik dalam dunia yang semakin dicorakkan oleh persaingan geopolitik.

5. YAB Perdana Menteri dengan tegas mengulangi pendirian Malaysia mengenai konflik Ukraine, dan menyeru penyelesaian secara aman melalui dialog. Selain itu, YAB Perdana Menteri, semasa ucapan di Forum Ekonomi Timur tersebut, terus menggesa agar tekanan antarabangsa dikenakan terhadap Israel untuk menghentikan genosid di Gaza.

6. Kesimpulannya, lawatan sulung YAB Perdana Menteri ke Rusia telah berjaya membuka lembaran baharu dalam hubungan dua hala Malaysia dan Rusia yang membawa manfaat besar kepada kedua-dua negara. Lawatan ini merupakan langkah strategik Kerajaan Madani untuk memperkukuh hubungan Malaysia-Rusia dan memperluas ruang geo-ekonomi Malaysia, sekaligus memperkukuh kerjasama ekonomi dan kedudukan Malaysia di peringkat global.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AZLI BIN YUSOF [SHAH ALAM]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN AZLI BIN YUSOF [SHAH ALAM]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan manfaat jangka pendek dan panjang yang telah dan akan diperoleh negara dengan menyertai BRICS dan kesannya terhadap kerjasama sedia ada dengan Amerika Syarikat (AS) dan Kesatuan Eropah (EU).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Shah Alam** atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Hasrat penyertaan Malaysia dalam BRICS merupakan usaha Malaysia dalam menegakkan dasar dan pendirian sebagai sebuah Negara yang bebas dan berkecuali, mengimbangi percaturan kuasa-kuasa besar dan membuka peluang-peluang perniagaan dan pelaburan yang baharu.

3. Ianya akan meningkatkan lagi keterlihatan Malaysia di persada antarabangsa terutamanya dalam menangani pelbagai cabaran global yang mendesak. Keanggotaan dalam BRICS akan melengkapkan peranan aktif Malaysia dalam rangkaian kerjasama serantau dan antarabangsa merangkumi Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), dan Kumpulan 77 + China.

4. Malaysia komited untuk memajukan agenda, dengan izin, *Global South* dalam memperluaskan kerjasama Selatan-Selatan. Platform BRICS boleh digunakan untuk memantapkan lagi kerjasama di antara, dengan izin, *Global South*, lebih-lebih lagi ketika Kepengerusian ASEAN 2025 oleh Malaysia.

5. Daripada sudut ekonomi dan perdagangan antarabangsa, BRICS yang dianggotai oleh sembilan buah negara dengan saiz pasaran kumulatif hampir 3.2 bilion penduduk, akan dapat memperluaskan akses pasaran produk dan perkhidmatan Malaysia ke Negara Anggota BRICS.

6. Sebagai sebuah negara perdagangan, Kerajaan terus komited untuk memastikan hubungan kerjasama dengan rakan perdagangan penting Negara, termasuk Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah, terus diperkukuhkan. Amerika Syarikat (AS) dan Kesatuan Eropah merupakan rakan dagang ketiga terbesar Malaysia dengan nilai dagangan dua hala bagi tahun 2023 berjumlah RM250.25 bilion dan RM206.69 bilion masing-masing. Malaysia akan terus meneroka peluang kerjasama baharu dengan Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah yang merangkumi teknologi hijau, tenaga boleh diperbaharui, pendidikan dan pembangunan sumber manusia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN  
JUSOH [BESUT]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [BESUT]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian terkini Kerajaan terhadap penubuhan Majlis Penasihat Petroleum Negara (MPPN) yang sepatutnya ditubuhkan di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 dengan keanggotaan, antaranya daripada negeri-negeri yang berkaitan dan jelaskan justifikasi terhadap keputusan yang dibuat.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Penasihat Petroleum Negara (MPPN) bertanggungjawab menasihatkan Perdana Menteri selaras dengan peruntukan Seksyen 5(2) Akta Kemajuan Petroleum 1974 [Akta 144]. MPPN yang pertama telah bersidang pada 9 April 1975 dan dipengerusikan oleh YM Raja Tan Sri Mohar Raja Badiozaman yang merupakan Penasihat Khas kepada YAB Perdana Menteri ketika itu.
2. Pelantikan mana-mana Ahli Majlis dibuat oleh YAB Perdana Menteri atas kapasiti jawatan yang disandang oleh Ahli berkenaan di luar MPPN, melainkan dinyatakan sebaliknya.
3. Rekod menunjukkan bahawa MPPN tidak aktif semenjak tahun 1995 dan belum ada perancangan untuk mengaktifkan semula MPPN, tertakluk kepada keputusan YAB Perdana Menteri selaku Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan hal ehwal petroleum di bawah Akta 144.
4. Walau bagaimanapun, Majlis Tenaga Negara (MTN) telah diaktifkan berdasarkan keputusan Jemaah Menteri berhubung Dasar Tenaga Negara dan mesyuarat pertama telah dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 2 April 2024. Keanggotaan MTN turut melibatkan wakil daripada Kerajaan Sabah dan Sarawak. MTN adalah bertujuan untuk mengemudi hala tuju sektor tenaga negara dan memastikan kebertanggungjawaban dan kepemilikan yang kukuh oleh pelbagai kementerian dan agensi pelaksana dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif dasar berkaitan tenaga.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN  
[BENTONG]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN [BENTONG]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah Kementerian berhasrat untuk menyemak semula undang-undang berkaitan 'commission fee' yang dibenarkan untuk diambil oleh syarikat eCommerce seperti Shoppe, Lazada dan Tiktok dan juga syarikat e-hailing seperti Grab, FoodPanda, yang dilihat agak tinggi supaya tidak membebankan peniaga.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Salah satu peranan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup dalam mewujudkan ekosistem perdagangan dalam negeri yang mampan dan progresif ialah mengawal selia dan menyokong pertumbuhan sektor e-dagang dalam industri peruncitan negara.

Sektor e-dagang di Malaysia juga telah menunjukkan potensi yang sangat besar dan mencatatkan sumbangan sebanyak 13% atau bersamaan dengan RM 207 bilion kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2021. Sektor e-dagang ini juga telah mencatatkan peningkatan nilai pendapatan yang cukup memberangsangkan iaitu sebanyak RM1,099.70 bilion pada tahun 2022 dengan peningkatan sebanyak 6% berbanding RM1,037.20 bilion pada tahun 2021.

Pertumbuhan sektor e-dagang yang sangat positif ini jelas menunjukkan sektor e-dagang telah memberikan sumbangan yang besar dalam meningkatkan pendapatan rakyat selain menggalakkan perniagaan atas talian melalui pelbagai platform e-dagang yang sedia ada.

Selaras dengan perkembangan pesat sektor e-dagang di negara ini, terdapat berbagai isu berbangkit dan keperluan perundangan baru yang perlu disemak semula bagi meningkatkan industri e-dagang dapat berkembang dengan lebih pesat selaras memastikan kepentingan pengguna dapat dilindungi. Dalam hal ini, perundangan e-dagang yang sedia ada didapati telah terlalu lama dan perlu dikaji semula bagi memastikan ia selari dengan perkembangan teknologi dan program digital pada masa ini.

Pada masa ini, KPDN mengawal selia sektor e-dagang melalui undang-undang sedia ada seperti Akta Perlindungan Pengguna 1999, Akta Perlindungan Elektronik 2006, Akta Perihal Dagangan 2011 dan Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Urusniaga Perdagangan Elektronik) 2021.

Sehubungan itu, KPDN sebagai salah satu agensi peneraju di bawah *National E-Commerce Strategic Roadmap (NESR)* telah melaksanakan Kajian Semakan Semula Perundangan E-Dagang yang telah dimulai pada bulan April 2024 dan dijangka dapat dimuktamadkan pada bulan Mac 2025. Kajian Semakan Semula Perundangan E-Dagang ini juga akan dilaksanakan secara terperinci dan menyeluruh dengan mengambil kira semua perkembangan pasaran digital pada masa ini termasuk isu berkaitan '*commission fee*' yang dikenakan oleh penyedia perkhidmatan platform e-dagang seperti Shopee, Lazada dan Tik Tok.

Walau bagaimanapun, Kajian Semakan Semula Perundangan E-Dagang ini tidak akan menyentuh berkaitan kawal selia ke atas syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan platform *e-hailing* dan *p-hailing* seperti Grab dan FoodPanda memandangkan ianya adalah di luar bidang kuasa Kementerian ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN MOHAMAD  
JAN [PERMATANG PAUH]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN MOHAMAD JAN [PERMATANG PAUH]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan usaha Kerajaan dalam menyelesaikan aset beku umat Islam yang sudah melebihi RM100 bilion.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam konteks harta pusaka, aset beku bermaksud harta milik si mati yang masih belum diuruskan pengagihan kepada waris-waris yang berhak. Hal ini berlaku kerana tiada sebarang permohonan daripada waris si mati untuk mendapatkan Surat Kuasa Tadbir atau Perintah Pengagihan dari agensi yang berkuatkuasa menurut perundangan di Malaysia.

2. Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan (JKPTG) merupakan satu-satunya agensi kerajaan yang diberi kuasa menerusi Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98] bagi menguruskan pembahagian harta pusaka kecil bernilai tidak melebihi RM5 juta. Tanggungjawab ini dilaksanakan oleh JKPTG berdasarkan permohonan yang dikemukakan oleh waris si mati. Pihak JKPTG tidak mempunyai maklumat mengenai harta pusaka individu yang tidak dipohon petisyen pengagihan di bawah Seksyen 8, Akta 98. Oleh yang demikian, dakwaan bahawa nilai aset beku umat Islam sudah melebihi RM100 bilion adalah tidak tepat dan boleh dipertikaikan.

3. Sebagai alternatif bagi menangani masalah aset beku, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam menerusi JKPTG telah menguatkuasakan pindaan Akta 98 menerusi Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2022 [Akta A1643] mulai 15 Julai 2024. Melalui pindaan tersebut, bidang kuasa JKPTG dalam urusan pembahagian harta pusaka kecil telah dinaikkan daripada RM 2 juta kepada RM 5 juta serta merangkumi kedua-dua aset alih dan aset tak alih. Langkah ini dapat menggalakkan waris si mati mengemukakan petisyen pembahagian setelah menimbang faktor seperti:

- a. kos pengurusan yang lebih rendah kerana tidak perlu membayar kos guaman sekiranya kes dirujuk ke Mahkamah Tinggi; dan
- b. permohonan pembahagian pusaka yang melibatkan harta alih sahaja kini boleh dirujuk kepada pihak JKPTG sebagai alternatif kepada Amanah Raya Berhad yang mengenakan caj yang lebih kompetitif.

4. Dengan pindaan ini, waris si mati boleh mendapatkan perkhidmatan pembahagian harta pusaka yang disediakan oleh Kerajaan melalui JKPTG dengan kos yang minima.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN  
CHIK  
[BALIK PULAU]**  
**TARIKH : 23 OKTOBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan nilai dan status pelaburan asing ke dalam negara yang telah direalisasikan berbanding nilai pelaburan yang diumumkan dalam siri lawatan luar negara oleh Perdana Menteri sehingga kini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada **tahun 2023**, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (**MITI**) bersama Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (**MIDA**) telah melaksanakan **dua belas Misi Penggalakan Pelaburan** (*Trade and Investment Mission – TIM*), termasuk **lapan (8) Lawatan Rasmi** yang **diketuai** oleh YAB Perdana Menteri ke negara-negara **Republik Rakyat China, Jepun, Amerika Syarikat, Itali, Republik Korea, Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi, Indonesia, Brunei, Singapura dan Republik Korea**.
2. **Potensi** pelaburan berjumlah **RM353.6 bilion** telah dihasilkan melalui TIM dan Lawatan Rasmi tersebut. Daripada jumlah ini, sebanyak **RM32.8 bilion** (9.28%) nilai pelaburan **telah diluluskan yang dijangka akan mewujudkan lebih daripada 6,400 peluang pekerjaan**. Pelaburan sebanyak **RM29 bilion** (8.20%) pula dijangka akan dimuktamadkan **dalam tahun 2024, manakala RM289.4 bilion** (81.84%) disasar akan **dimuktamadkan** di antara **tahun 2025 hingga tahun 2027**.
3. Bagi tempoh **Januari sehingga September 2024** pula, sebanyak **sebelas (11) TIM**, termasuk **enam (6) Lawatan Rasmi** yang **diketuai** oleh YAB Perdana Menteri telah dilaksanakan ke negara **Jerman, Perancis, Itali, Australia, Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu, Qatar, Jepun, India, Singapura dan Thailand**.
4. **Potensi** pelaburan yang dihasilkan melalui TIM dan Lawatan Rasmi tersebut berjumlah **RM82.6 bilion**. Daripada jumlah ini, sebanyak **RM30.9 bilion** (37.41%) nilai pelaburan **telah diluluskan**, manakala sebanyak **RM26.8 bilion** (32.45%) dijangka akan **dimuktamadkan dalam tahun ini**. Nilai pelaburan sebanyak **RM30.4 bilion** (36.80%) pula dijangka akan **dimuktamadkan** dalam tahun 2025 hingga 2027.

5. Ingin dijelaskan bahawa pelaburan yang direalisasikan merujuk kepada **projek yang telah memulakan operasi**, sedang dalam pembinaan **bangunan atau kilang**, atau sedang di peringkat **pemasangan mesin dan peralatan**. Pelaksanaan projek perkilangan secara lazimnya akan mengambil masa di antara **18 sehingga 24 bulan** untuk **direalisasikan**, bergantung kepada **kompleksiti, skala** projek dan keadaan **ekonomi** semasa.

6. Oleh kerana pelaburan besar memerlukan masa untuk direalisasikan dan mematuhi proses yang kompleks, MITI sentiasa melaksanakan pemantauan rapat serta perbincangan strategik bersama para pelabur. Proses susulan ini adalah kritikal untuk memastikan setiap komitmen pelaburan yang dijanjikan dapat ditukar kepada pelaksanaan yang sebenar, dalam tempoh yang optimum.

7. Kami di MITI, bersama MIDA, sentiasa memastikan setiap pelaburan berpotensi mendapat sokongan penuh kerajaan melalui insentif yang kompetitif dan penyelarasan antara pelbagai agensi yang terlibat. Dengan kerjasama yang bersepadu, kami yakin Malaysia terus menjadi destinasi utama pelaburan global yang akan menjana peluang pekerjaan berkualiti tinggi serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi jangka panjang negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS  
[JELEBU]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kementerian akan memberikan peruntukan khas kepada Kerajaan negeri pada tahun 2025 sebagai persediaan awal untuk menghadapi Tahun Melawat Malaysia 2026 nanti.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya amat mengharapkan kerjasama dan sokongan semua Kerajaan negeri dalam menjayakan penganjuran Kempen Tahun Melawat Malaysia 2026. Sepertimana diumumkan oleh YAB Dato Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia pada 18 Oktober 2024 yang lalu, sebanyak RM550 juta telah diperuntukkan kepada MOTAC di bawah Inisiatif Belanjawan 2025 sebagai persediaan ke arah penganjuran Kempen Tahun Melawat Malaysia 2026. Selain itu, MOTAC turut diperuntukkan sejumlah RM110 juta untuk kerja-kerja pembaikan, penyelenggaraan dan melengkapkan kawasan pelancongan di seluruh negara serta menyokong pencalonan tapak warisan negara ke UNESCO

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN**  
**[HULU LANGAT]**  
**TARIKH : 23 OKTOBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**YB TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN [HULU LANGAT]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah peningkatan kadar gaji penjawat awam yang diumumkan baru-baru ini juga merangkumi pegawai-pegawai perkhidmatan awam yang berstatus kontrak.

**JAWAPAN**

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelarasan gaji sebanyak 15% yang diberikan secara berfasa iaitu 8% di Fasa 1 dan 7% di Fasa 2 bagi pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana akan turut dinikmati oleh pegawai lantikan kontrak (*Contract of Service*).
2. Pengurusan pegawai lantikan kontrak akan dilaksanakan berdasarkan ketetapan yang dinyatakan dalam Perenggan 190 hingga 192 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024: Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN PANG HOK LIONG**  
**[LABIS]**  
**TARIKH : 23 OKTOBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**YB TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan negara kita kehilangan berbilion ringgit setiap tahun akibat kegiatan penyeludupan di sempadan Thailand-Malaysia, bilakah Kerajaan merancang untuk membina tembok atau pagar lengkap di sepanjang sempadan antara Malaysia dan Thailand bagi mencegah kegiatan penyeludupan yang kerap berlaku dan bagi mencegah *human trafficking*.

**JAWAPAN**

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan tembok keselamatan di sepanjang sempadan Malaysia – Thailand dan Malaysia – Indonesia memang di dalam perancangan Kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM). Walau bagaimanapun, kos pembinaan yang tinggi dan kekangan kewangan semasa negara menyebabkan pembinaan tembok keselamatan ini tidak dapat dilaksanakan sebagaimana yang dirancang.
2. Pada masa kini, melalui Rancangan Malaysia ke-12, Kerajaan telah meluluskan penaiktarafan pagar keselamatan sedia ada kepada standard yang lebih baik, iaitu tembok keselamatan di sempadan Malaysia-Thailand.
3. Kerajaan juga sedang merancang untuk melaksanakan kajian awalan bagi pembinaan tembok keselamatan di sepanjang Sungai Golok, Kelantan; Pulau Sebatik, Sabah; dan laluan-laluan haram di Padang Terap, Kedah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS  
[KOTA BELUD]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS [KOTA BELUD]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa Kerajaan Sarawak sudah dapat memuktamadkan penurunan kuasa autonomi dalam bidang pendidikan di bawah Jawatankuasa Teknikal Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) namun Kerajaan Sabah masih belum dapat memuktamadkan dan mohon diperincikan tuntutan-tuntutan yang dikemukakan.

**JAWAPAN**

**YAB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF  
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN  
MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tuntutan berhubung pendidikan di negeri Sabah dan negeri Sarawak merupakan antara agenda yang dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MTPMA63) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal di bawah MTPMA63 yang dipengerusikan oleh saya.
2. Berhubung isu pendidikan di negeri Sarawak, sebahagian besar tuntutan telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan bagi beberapa perkara lain yang masih memerlukan perbincangan lanjut, ia akan terus dibincangkan dalam mesyuarat di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
3. Bagi isu pendidikan di negeri Sabah, tuntutan-tuntutan yang diterima oleh KPM antara lain merangkumi infrastruktur pendidikan, pengurusan pendidikan, kurikulum dan dasar pendidikan. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Bersama Pembangunan Pendidikan Negeri Sabah No.1/2024 yang dipengerusikan secara bersama oleh Ketua Setiausaha KPM dan Setiausaha Tetap Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah telah diadakan pada 26 Ogos 2024 bagi membincangkan semua tuntutan tersebut.
4. Selanjutnya, semua tuntutan berkaitan isu pendidikan di negeri Sabah akan dibawa untuk penelitian dan pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Bersama Pembangunan Pendidikan Negeri Sabah yang akan dipengerusikan secara bersama oleh YB Menteri Pendidikan dan YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah dalam tempoh terdekat.

## NO SOALAN : 29

5. Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri (BHES, JPM) selaku Sekretariat kepada MTPMA63 dan Jawatankuasa Teknikal di bawah MTPMA63 akan terus memantau isu ini dengan semua pemegang taruh (*stakeholders*) di peringkat Persekutuan dan juga di peringkat Kerajaan Negeri Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN WONG SHU QI**  
**[KLUANG]**  
**TARIKH : 23 OKTOBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**YB PUAN WONG SHU QI [KLUANG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Kerajaan memastikan tidak berlaku ketidakpadanan kursus yang diikuti di peringkat universiti dan kerjaya bagi pemegang biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

**JAWAPAN**

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sentiasa berusaha untuk memastikan penajaan yang dijalankan mencapai objektif yang disasarkan iaitu membangunkan modal insan yang kompeten bagi memenuhi keperluan guna tenaga negara. Semakan dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memastikan program pengajian / kursus yang ditaja adalah selaras dengan dasar-dasar semasa Kerajaan yang merangkumi bidang-bidang tumpuan negara seperti Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN), *National Energy Transition Roadmap* (NETR), dan *New Industrial Master Plan 2030* (NIMP 2030) serta dasar-dasar lain yang berkaitan.
2. Selain itu, antara aspek yang dititikberatkan ialah akreditasi kursus sebagai jaminan kualiti serta prestasi kebolehpasaran kursus pengajian berdasarkan statistik kebolehpasaran graduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).
3. JPA juga dilibatkan sebagai anggota tetap dalam Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) bagi menilai program-program baharu yang akan ditawarkan oleh Universiti Awam (UA). Melalui platform ini, JPA akan memberikan pandangan serta nasihat selari dengan objektif penajaan yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ZAHIR BIN HASSAN [WANGSA MAJU]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN ZAHIR BIN HASSAN [WANGSA MAJU]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) perancangan menubuhkan Majlis TVET Negeri di semua negeri di Malaysia; dan
- (b) jumlah pelajar TVET bagi bidang-bidang *high-growth high value* (HGHV) bagi tempoh lima tahun terkini seperti yang digariskan dalam Dasar TVET Negara 2030.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,  
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN  
WILAYAH**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah menubuhkan Majlis TVET Negara (MTVET) sebagai satu usaha untuk menambahbaik penyelarasan ekosistem TVET negara. MTVET berperanan sebagai badan tertinggi dalam membuat keputusan berkaitan hala tuju TVET negara di mana keanggotaannya adalah merentasi semua 12 Kementerian penyedia TVET dan pelbagai pemegang taruh yang berkaitan.
2. Bagi tujuan penyelarasan TVET di peringkat negeri, beberapa buah negeri telah mengambil inisiatif menubuhkan badan penyelarasan untuk sebagai kesinambungan penyelarasan yang berlaku di peringkat persekutuan. Antara badan penyelarasan TVET yang telah ditubuhkan di peringkat negeri adalah Majlis TVET Melaka, Majlis Perundingan TVET Negeri Sembilan, Majlis TVET Negeri Perak, dan *Johor Talent Development Council (JTDC)* merancang, menilai, dan memantau inisiatif-inisiatif TVET di peringkat negeri berkaitan.
3. Secara dasarnya, penubuhan badan penyelarasan di peringkat negeri adalah satu langkah proaktif yang wajar diperluaskan. Peranan badan penyelarasan TVET di peringkat negeri ini akan diperkukuh terutama dalam penyediaan data penawaran dan permintaan guna tenaga kerja mengikut keperluan sebenar di setiap negeri bagi tujuan perancangan program TVET yang lebih efektif.

4. Seperti mana ditekankan dalam Dasar TVET Negara 2030, pelaksanaan program TVET berkait *high growth high value* (HGHV) menjadi sebahagian daripada agenda transformasi TVET negara. Sehubungan itu, institusi TVET telah memulakan kursus-kursus yang selari dengan bidang penumpuan HGHV ini seperti Teknologi Elektrik dan Elektronik, Teknologi Pengkomputeran dan Digital, Teknologi Peralihan Tenaga, Teknologi Pertanian Moden, dan Teknologi Nadir Bumi. Untuk tempoh 2020 sehingga Jun 2024, seramai 29,668 orang graduan TVET telah dilatih dalam bidang-bidang ini menerusi program yang ditawarkan di institusi TVET merentasi pelbagai Kementerian yang terlibat.
  
5. Melalui Dasar TVET Negara 2030, penawaran program-program baharu berdasarkan lima bidang HGHV akan terus diperkukuh selaras dengan keperluan industri dan hala tuju ekonomi negara. Kerajaan yakin dengan kerjasama erat antara institusi TVET dan industri akan membantu mempercepatkan pembangunan bakat tempatan, meningkatkan kadar kebolehkerjaan, dan melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi selaras dengan aspirasi negara untuk menjadi hab teknologi serantau khususnya dalam sektor berkaitan HGHV ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan memperjelaskan dengan terperinci bagaimana kerjasama Brazil, Rusia, India, China dan Afrika Selatan (BRICS) boleh membantu negara Malaysia dalam dedolarisasi, iaitu pengurangan kebergantungan terhadap Dolar Amerika Syarikat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Salah satu inisiatif yang diketengahkan oleh gagasan BRICS adalah mengurangkan kebergantungan kepada mana-mana mata wang asing. Sejak tahun 2014 lagi, negara-negara BRICS telah meneroka pelbagai cara untuk mengurangkan pergantungan mereka kepada dolar Amerika Syarikat dan mula meningkatkan penggunaan mata wang tempatan mereka dalam perdagangan dan kewangan antarabangsa.

2. Sebagai contoh, China dan Rusia sering menggunakan yuan dan ruble dalam transaksi perdagangan mereka. Semasa Sidang Kemuncak BRICS ke-14 pada pertengahan tahun 2022, Presiden Rusia, Vladimir Putin, telah mengumumkan bahawa negara-negara anggota BRICS akan membentuk 'mata wang rizab global baharu' dan bersedia untuk bekerjasama secara terbuka dengan semua rakan BRICS lain yang turut berhasrat untuk mengurangkan pergantungan mereka kepada dolar Amerika Syarikat. Selain itu, *New Development Bank* (NDB), yang dibangunkan pada tahun 2015, sedang berusaha untuk memperluaskan penggunaan mata wang tempatan bagi membiayai projek-projek pembangunan di negara anggota BRICS dan negara-negara membangun yang lain.

3. Walaupun Malaysia belum menganggotai BRICS, Kerajaan dan Bank Negara Malaysia (BNM) telah mula mengambil langkah proaktif ke arah mengurangkan pergantungan kepada dolar Amerika Syarikat dan menggalakkan penggunaan matawang tempatan bagi penyelesaian perdagangan dan pelaburan antarabangsa. Langkah ini bertujuan untuk membolehkan pengurusan pendedahan pertukaran asing yang lebih cekap dan akhirnya mengukuhkan daya tahan dari kejutan faktor luar. Sehubungan itu, pihak Kerajaan dan BNM meneroka peluang kerjasama penyelesaian mata wang tempatan dengan negara-negara strategik seperti China, Thailand dan Indonesia dan negara ASEAN lain yang mempunyai nilai dagangan dua hala yang tinggi.

4. Kerajaan akan terus menumpukan usaha untuk meningkatkan penggunaan mata wang tempatan bagi penyelesaian antarabangsa dan menambah baik mekanisme sedia ada dengan negara-negara strategik ini dari semasa ke semasa. Kerajaan tetap terbuka untuk memperluaskan lagi penggunaan mata wang tempatan serantau dengan negara ASEAN utama yang lain seperti Viet Nam dan Filipina, serta negara anggota BRICS seperti Rusia dan India.

5. Namun demikian, memandangkan dolar Amerika Syarikat masih memainkan peranan yang besar dalam sistem kewangan dunia, penggunaan matawang lain oleh Malaysia dalam urusan perdagangan dan pelaburan perlu dikaji dengan lebih teliti oleh Kerajaan dan sebarang keputusan mengenai perkara ini hendaklah berlandaskan kepentingan Negara serta selari dengan dasar-dasar semasa negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WETROM BIN BAHANDA  
[KOTA MARUDU]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK WETROM BIN BAHANDA [ KOTA MARUDU ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :

- (a) peratus kebolehlaksanaan Program Pengedaran Barang Perlu, gas petroleum cecair (LPG) dan Community Drumming dari pusat bekalan ke pusat jualan (Pos to Pos) untuk tujuan penyeragaman harga di kawasan Kota Marudu; dan
- (b) berapa peruntukan yang telah disalurkan kepada daerah Kota Marudu bagi tujuan program ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah melaksanakan **Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan *Community Drumming*** sebagai sebahagian daripada **langkah intervensi dan mitigasi untuk menangani isu perbezaan besar harga barang-barang asas** di kawasan-kawasan pedalaman berbanding kawasan-kawasan lain terutamanya di Sabah dan Sarawak agar selari dengan harga yang dinikmati oleh rakyat di Semenanjung.

Program yang lebih dikenali sebagai **Program Penyeragaman Harga** ini telah menerima peruntukan sebanyak **RM2.9 bilion** sejak tahun mula pelaksanaannya pada 2009. Bagi tahun 2024, sejumlah **RM225 juta** telah diperuntukkan oleh Kerajaan bagi pelaksanaan program ini.

Program ini dilaksanakan bagi menanggung kos pengangkutan membawa tujuh (7) barangan bersubsidi/kawalan iaitu beras, gula, tepung gandum, minyak masak, LPG, Petrol RON95, dan Diesel dari pembekal ke kawasan-kawasan pedalaman **di enam (6) negeri** iaitu **Sabah, Sarawak, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang** supaya penduduk kawasan pedalaman boleh membeli tujuh barangan tersebut dengan harga kawalan yang sama seperti harga di bandar atau pekan terdekat.

Bagi parlimen Kota Marudu, Kerajaan telah mula melaksanakan program ini di **dua (2) zon** iaitu **Matunggong dan Marak Parak** sejak tahun **2011**. Bermula pada bulan Mei 2024, Kerajaan telah **memperluaskan program ini ke zon baharu** iaitu **Gana** dan menjadikan jumlah keseluruhan *Point of Sales* (POS) di Parlimen Kota Marudu adalah sebanyak **88 buah**. Program ini telah memberi manfaat kepada penduduk di ketiga-tiga zon tersebut.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya mengawal harga bagi tujuh barangan tersebut. Sebagai contoh, sebelum program ini dilaksanakan di Kg. Gana, harga Petrol RON95 dan Diesel dijual pada harga RM 3.50/liter dan RM3.70/liter berbanding harga pasaran RM 2.05/liter dan RM2.15/liter melibatkan kadar perbezaan harga di antara **70 peratus** sehingga **72 peratus**.

- (b) Bagi pelaksanaan program ini pada tahun 2024 khususnya di parlimen Kota Marudu, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak **RM4.3 juta** melibatkan tiga (3) buah zon yang meliputi kawasan pengedaran Kg. Tigaman, Kg. Marak Parak dan Kg. Gana.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN JIMMY PUAH WE TSE**  
**[TEBRAU]**  
**TARIKH : 23 OKTOBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN JIMMY PUAH WE TSE [TEBRAU]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan kadar inflasi yang tinggi pasca pandemik COVID-19 telah menyebabkan Geran Pembangunan Pemasaran tidak mencukupi membiayai kos untuk usahawan industri kecil dan sederhana menyertai ekspo antarabangsa. Adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk meningkatkan peruntukan geran ini pada masa hadapan sekiranya ekonomi negara mulai memulih.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Geran Pembangunan Pasaran atau lebih dikenali sebagai **Market Development Grant** (MDG) merupakan salah satu program utama Kerajaan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri melalui agensinya Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE). Ia berfokuskan bantuan terus kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam mempromosikan produk dan perkhidmatan ke luar negara secara **geran bayaran balik** bagi lima (5) aktiviti promosi eksport, iaitu:

- i. Penyertaan di dalam **Pameran Perdagangan Antarabangsa** yang dianjurkan di dalam atau luar negara;
- ii. Penyertaan di dalam **Misi Perdagangan dan Pelaburan / Misi Akselerasi Eksport**;
- iii. Penyertaan di dalam **Persidangan Antarabangsa** di Luar Negara;
- iv. **Yuran Penyenaraian** di pasar raya besar luar negara; *dan*
- v. **Persijilan Antarabangsa** untuk Eksport.

2. Dari **Januari 2021 hingga September 2024**, Kerajaan telah memperuntukkan geran sejumlah RM87.95 juta di bawah inisiatif Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) dan geran tambahan sejumlah RM20 juta di bawah inisiatif Ekonomi MADANI untuk MDG. Bagi tempoh tersebut sebanyak **19,108 buah syarikat PKS** telah mendapat manfaat daripada MDG dengan **jualan eksport bernilai RM27.11 bilion**. Sekiranya dilihat dari segi '*return on investment*', setiap ringgit geran MDG telah menyumbang sebanyak RM362 jualan eksport kepada negara (RM1 Geran: RM362 jualan eksport).

3. Geran tersebut ditawarkan untuk permohonan PKS yang memenuhi kriteria dengan siling peruntukan sebanyak RM300,000 bagi sebuah syarikat, tertakluk kepada penyaluran peruntukan tahunan yang diluluskan oleh agensi pusat di Kementerian Ekonomi.
  
4. Kerajaan memperakui bahawa Geran MDG merupakan satu bentuk bantuan yang berimpak tinggi ke atas PKS, khususnya untuk mengembangkan pasaran eksport mereka. Di samping peruntukan di bawah saluran RMK-12, Kerajaan juga telah memberi peruntukan tambahan sebanyak **RM20 juta secara one-off** di bawah inisiatif Ekonomi MADANI pada tahun 2023 bagi memanfaatkan PKS yang lebih ramai.
  
5. Kerajaan sedar akan 'permintaan yang sentiasa tinggi' terhadap Geran MDG. Usaha pemantauan dan penilaian yang berterusan akan dilaksanakan bagi memastikan bantuan diberi kepada PKS yang layak, sama ada melalui MDG ataupun insentif lain yang bersesuaian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJAH SITI AMINAH BINTI ACHING  
[BEAUFORT]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK HAJAH SITI AMINAH BINTI ACHING [BEAUFORT]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan usaha yang telah diambil oleh pihak Kementerian mengenai Cadangan Pejabat Daerah kecil Menumbok dan Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) Cawangan Sabah bagi meletakkan satu mercu tanda titik paling barat yang penting di Kampung Mempakul, Menumbok yang mampu menjadi tarikan baharu kepada pelancong.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sentiasa memberi perhatian akan ketersediaan infrastruktur asas dalam menyokong aktiviti pelancongan di seluruh negara. MOTAC juga sentiasa bekerjasama rapat dengan semua Kerajaan Negeri, termasuklah Kerajaan Sabah dalam memastikan kemudahan di lokasi-lokasi pelancongan utama di Malaysia berada dalam keadaan selamat dan selesa untuk kegunaan para pelancong tempatan mahupun luar negara.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan semakan, sehingga kini tiada sebarang permohonan bagi cadangan pembangunan, penyelenggaraan atau peningkatan kemudahan pelancongan bagi meletakkan satu mercu tanda titik paling barat di Kampung Mempakul, Menumbok Sabah yang diterima oleh Kementerian ini.
3. Walau bagaimanapun, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) (RP1 sehingga RP4), Kerajaan Persekutuan melalui MOTAC telah meluluskan sebanyak 55 projek pembangunan serta penyelenggaraan.
4. Sehubungan itu, MOTAC mengalu-alukan cadangan oleh Ahli Yang Berhormat dan bersedia untuk mempertimbangkan sebarang permohonan baharu selaras dengan halatuju MOTAC dan keutamaan Kerajaan Sabah melalui Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar (KePKAS) bagi membantu menaiktaraf infrastruktur dan kemudahan pelancongan di Sabah demi menyokong industri pelancongan tempatan sekaligus menjana ekonomi setempat dengan syarat, aspek penyelenggaraan secara berkala dan pengurusan pengoperasian diberi perhatian yang sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ  
[SEGAMAT]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ [SEGAMAT]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan adakah Kementerian mempunyai cadangan untuk menambah baik kadar pemberian Ecological Fund Transfer (EFT) supaya jumlah pampasan yang diterima lebih munasabah kepada Kerajaan negeri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah memperkenalkan Insentif Kewangan bagi Konservasi Biodiversiti dan Hutan (*Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation - EFT*) pada tahun 2019 bagi menggalakkan Kerajaan Negeri mengukuhkan pengurusan kawasan perlindungan. Sehingga kini, sejumlah RM550 juta telah diperuntukkan kepada Kerajaan Negeri bagi pelaksanaan EFT sejak tahun 2019 iaitu sebanyak RM60 juta pada tahun 2019; RM70 juta masing-masing pada tahun 2021 dan 2022; RM150 juta pada tahun 2023; dan RM200 juta pada tahun 2024.

2. Justeru, untuk menambah nilai pemberian EFT, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) telah menambah baik pelaksanaan EFT sejak diberi mandat untuk menguruskannya bermula pada tahun 2022 selaras dengan keputusan Majlis Kewangan Negara pada 26 April 2022. Antara aspek yang telah ditambah baik ialah pengenalan kriteria ekologi berasaskan keberhasilan (*performance-based ecological criteria*) pada tahun 2023 di mana prestasi pelaksanaan EFT oleh kerajaan negeri akan menentukan 30 peratus daripada jumlah EFT yang akan diterima oleh negeri pada tahun berikutnya. Mekanisme ini berbeza pada tahun 2019 hingga 2022 di mana pengagihan EFT pada tahun tersebut ditentukan sepenuhnya oleh keluasan kawasan perlindungan negeri sedia ada.

3. NRES juga telah mengadakan Sesi *Townhall* Pelaksanaan EFT bersama Pejabat Kewangan Negeri; Unit/ Bahagian Perancang Ekonomi Negeri serta wakil daripada Kementerian Ekonomi dan Kementerian Kewangan pada 20 Mei 2024 untuk membincangkan mengenai strategi bagi mengukuhkan impak pelaksanaan EFT dengan memberi penekanan kepada aspek kualiti dan keberhasilan. Antara cadangan yang diterima ialah untuk meningkatkan peratusan penilaian bagi kriteria ekologi berasaskan keberhasilan daripada 30 peratus pada masa ini kepada 50 peratus. Cadangan penambahbaikan ini akan dibawa ke Mesyuarat Majlis Kewangan Negara untuk pertimbangan.

**NO SOALAN : 36**

4. NRES sentiasa menekankan keperluan Kerajaan Negeri untuk memanfaatkan peruntukan EFT secara optimum dengan melindungi, memulihara danewartakan kawasan perlindungan yang merupakan kawasan penting bagi perkhidmatan ekosistem termasuk sebagai kawasan tadahan air dan perlindungan hidupan liar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN  
HUSSEIN [SEMBRONG]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN [SEMBRONG]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap kemasukan jenama dan produk oleh perusahaan China secara langsung ke dalam pasaran Malaysia yang memberi kesan terhadap perusahaan tempatan khususnya dalam konteks persaingan harga jualan.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jalur bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang terkait dengan kemasukan produk asing dalam pasaran tempatan terhad kepada beberapa punca kuasa di bawah kerangka perundangan seperti:

- Akta Perihal Dagangan (Pindaan) 2022;
- Akta Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2017;
- Akta Perdagangan Elektronik 2006;
- Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2017; dan
- Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012 – P.U (A) 458/2021

KPDN mengambil maklum salah satu platform yang kemasukan secara langsung barangan dari luar negara termasuk China ke dalam pasaran tempatan adalah melalui pasar dalam talian. Sungguhpun P.U (A) 458/2021 terpakai kepada perdagangan melalui pasar dalam talian yang mengguna pakai tapak web, namun ia tidak bersifat *extra-territorial* dan hanya terpakai kepada Syarikat yang berdaftar di Malaysia.

Dalam ekosistem pasaran global yang terbuka termasuk komitmen terhadap sistem pasaran terbuka yang diadaptasi oleh Malaysia, impak kepada kemasukan barangan dari luar perlu dipantau mengambil kira pelbagai faktor termasuk aspek kepenggunaan yang meliputi akses kepada kepelbagaian barangan dengan tawaran harga dan perlindungan terhadap manipulasi aktiviti perniagaan.

Pada masa yang sama, faktor perlindungan kepada perusahaan tempatan juga perlu di ambil kira. Selain daripada pelbagai dasar dan program untuk pengembangan perniagaan perusahaan tempatan termasuk akses kepada pasaran global, KPDN komited untuk bekerjasama dalam meneliti impak kemasukan barangan luar secara langsung ke dalam pasaran tempatan melalui penyelarasan bersama semua kementerian dan agensi yang berkaitan bersandarkan kepada kerangka perundangan yang mendasari kefungsi masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA  
[SUNGAI BESAR]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA [SUNGAI BESAR] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan :**

- (a) usaha pembaharuan terhadap institusi TVET di seluruh negara sejajar keperluan industri dalam memberi jaminan pekerjaan kepada para graduan TVET sekaligus meningkatkan kebolehpasaran mereka; dan
- (b) apakah bentuk penyelarasan yang telah dilakukan bagi mengelakkan sebarang pertindihan kursus melibatkan TVET.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,  
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN  
WILAYAH**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2023 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi merekodkan peratus kebolehpasaran graduan TVET adalah 94.5%. Peratus kebolehpasaran yang tinggi ini jelas menunjukkan penerimaan baik pihak majikan dan industri terhadap graduan TVET yang dilatih di pelbagai institusi TVET awam merentas pelbagai Kementerian.
2. Dalam usaha menyelaraskan pelaksanaan TVET ini, Dasar TVET Negara 2030 telah dibangun dan dilancarkan pada 8 Jun 2024 untuk dijadikan rujukan utama dan penanda aras dalam memandu institusi TVET menawan dan melaksanakan program TVET berkualiti berdasarkan keperluan industri. Dasar ini menjadi garis panduan komprehensif yang menetapkan aspirasi dan hala tuju Kerajaan dalam mencapai matlamat Malaysia ke arah negara maju berpaksikan modal insan berkemahiran melalui program TVET yang responsif, fleksibel dan inklusif.
3. Dasar TVET Negara 2030 ini memberi fokus penghasilan graduan TVET yang berkualiti melalui ekosistem TVET yang efektif merangkumi ketersediaan institusi TVET yang cekap, tenaga pengajar yang kompeten serta kurikulum dan penyampaian program berfokuskan industri. Kurikulum berfokuskan industri menekankan keseimbangan pengetahuan teknikal dan kemahiran insaniah serta pelaksanaan persijilan profesional dan program peningkatan kompetensi memberi kelebihan dan daya saing kepada graduan TVET seterusnya meyakinkan majikan untuk menawarkan gaji setimpal

seterusnya membantu generasi muda untuk keluar daripada kepompong kemiskinan.

4. Pemantauan kualiti program TVET turut dimantapkan melalui pengharmonian pelbagai sistem jaminan kualiti kepada Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET. Dokumen *Code of Practice for TVET Programme Accreditation* (COPTPA) telah diwujudkan sebagai garis panduan dalam pengoperasian Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET. COPTPA menggariskan skop program TVET dan standard minimum pelbagai keperluan khusus program TVET sebagai rujukan kepada penyedia TVET dalam penawaran dan jaminan kualiti program.
5. Selain itu, penawaran kursus TVET dilaksanakan dengan mengambil kira keperluan industri dan hala tuju ekonomi negara bersandarkan kepada input-input yang diperolehi menerusi sesi libat urus secara berterusan. Keperluan industri mencakupi elemen seperti jenis pekerjaan, kuantiti dan set kemahiran yang diperlukan dianalisa untuk diterjemahkan kepada kurikulum latihan dan kemudian disusuli dengan pelaksanaan latihan yang bersesuaian.
6. Jalinan kerjasama strategik dengan pihak industri berupaya mengoptimumkan kepakaran dan teknologi terkini dalam memenuhi hasrat pelaksanaan TVET dipacu industri. Kerjasama yang kukuh ini seterusnya dapat memastikan padanan antara penawaran dengan permintaan (*demand and supply*) dalam membantu institusi TVET menyediakan keperluan kursus-kursus berteras industri berteknologi tinggi berdasarkan kepada kehendak industri seterusnya memberi jaminan pekerjaan kepada graduan TVET.
7. Standard dan kurikulum program TVET turut disemak dan ditambah baik dari masa ke semasa bersama pihak industri untuk memastikan program TVET yang ditawarkan kekal relevan seiring dengan permintaan semasa dan masa hadapan. Penjajaran semula kursus dan kurikulum dengan bidang tumpuan seperti digariskan dalam Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan bidang dengan

potensi pertumbuhan dan bernilai tinggi, dengan izin *High Growth High Value* (HGHV) turut diberi penekanan oleh semua institusi TVET untuk memastikan graduan TVET yang dilatih kekal kompetitif untuk memasuki pasaran pekerjaan nanti.

8. Melalui Dasar TVET Negara 2030 juga rasionalisasi dan kosolidasi program TVET akan dilaksanakan secara berperingkat di setiap Kementerian penyedia TVET dalam memastikan program yang ditawarkan menepati keperluan industri dan mempunyai kebolehpasaran yang tinggi. Langkah rasionalisasi program ini turut dilaksanakan dengan mengambil kira keperluan dan perkembangan teknologi semasa bagi memastikan graduan TVET kekal relevan dalam pasaran kerja.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR  
BIN MASDUKI [PARIT BUNTAR]**

**TARIKH** : **23 OKTOBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN MASDUKI [PARIT BUNTAR]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah keberhasilan Akademi Pilihan Raya dalam merangka program atau inisiatif kepada pelajar sekolah dan IPT ke arah usaha meningkatkan tahap kesedaran mereka terhadap proses pilihan raya.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) melalui Akademi Pilihan Raya (APR) telah melaksanakan Program Pendidikan Pengundi sejak tahun 2017 bertujuan memberikan kefahaman terhadap pentingnya demokrasi, aplikasi demokrasi melalui platform pilihan raya, proses pilihan raya yang dijalankan di Malaysia, tanggungjawab sebagai seorang pengundi dan implikasinya terhadap negara serta menjelaskan isu-isu / cabaran yang sering dibangkitkan semasa pilihan raya diadakan kepada segenap lapisan masyarakat.
2. APR telah memperkenalkan modul baharu pada tahun 2024 di mana sukatan pelajaran dan kaedah penyampaian disesuaikan mengikut kategori peserta iaitu Voter Education peringkat Rendah (VE-R) untuk sekolah rendah, Voter Education peringkat Menengah (VE-M) untuk sekolah menengah dan Voter Education peringkat Tertiar (VE-T) untuk lepasan SPM dan ke atas.
3. Bagi Program VE-R, pelaksanaannya masih di peringkat awal untuk mengkaji keperluan dan kaedah pendekatan yang terbaik bagi murid sekolah rendah dan 1 program telah dilaksanakan pada tahun 2023 melibatkan 217 orang. Bagi tahun 2024, APR memfokus kepada pelaksanaan VE-M dan VE-T terlebih dahulu bagi memastikan objektif peningkatan tahap kesedaran kumpulan sasar yang akan terlibat dalam PRU yang akan datang dapat direalisasikan.
4. Bagi Program VE-M pula, pelaksanaannya sama ada secara terus dengan pihak sekolah atau melalui rakan kerjasama strategik iaitu Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) melalui inisiatif Kelab Malaysiaku. **Pada tahun 2023, sebanyak 137 program VE-M telah dilaksanakan melibatkan 18,642 orang pelajar sekolah menengah. Pada tahun 2024, sehingga kini, sebanyak 92 program VE-M telah dilaksanakan melibatkan 17,274 orang pelajar sekolah menengah, sama ada dengan kerjasama JAPEN mahupun secara terus dengan pihak sekolah.**

5. Bagi Program VE-T pula, terdapat banyak pihak yang bekerjasama untuk melaksanakannya termasuklah pihak Kementerian yang mempunyai agensi atau institusi pengajian di bawah pemantauan mereka seperti Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), Institusi Pendidikan MARA di bawah Kementerian Kemajuan Desa & Wilayah (KKDW) dan sebagainya.

6. Selain itu, APR turut bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) di bawah inisiatif Gaya Hidup Rakan Muda – Rakan Demokrasi dan Majlis Belia Malaysia (MBM) bagi memberikan pendidikan pengundi kepada para belia termasuklah belia di luar institusi pengajian tinggi.

7. APR juga meneruskan kerjasama dengan pelbagai pihak lain termasuklah badan-badan bukan kerajaan dalam menyebarkan luas program pendidikan pengundi bagi memastikan semua golongan pengundi khususnya pengundi muda didedahkan dengan kepentingan mengundi dan kefahaman mengenai proses pilihan raya.

8. Bagi tahun 2023, **jumlah program VE-T yang telah dilaksanakan adalah sebanyak 167 program melibatkan seramai 61,845 orang peserta manakala pada tahun 2024, sejumlah 123 program telah dilaksanakan setakat ini melibatkan seramai 50,131 orang peserta.** APR juga sudah mula giat melaksanakan program VE-T bersama pelajar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dan jumlah ini dijangka bertambah kerana banyak program VE-T melibatkan Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) diadakan pada bulan Oktober sempena pendaftaran pelajar-pelajar baharu bagi pengajian ijazah sarjana muda.

9. Berdasarkan kepada maklum balas yang diterima daripada penganjur dan peserta Program Pendidikan Pengundi, secara keseluruhannya mereka berpuas hati dengan pelaksanaan program ini kerana berjaya mencapai objektif untuk memberi kesedaran pentingnya mengundi dan perkongsian mengenai proses pengundian di Malaysia.

10. Walau bagaimanapun, usaha ini perlu diteruskan dan semua pihak yang terlibat perlu terus memberikan komitmen agar program ini dapat diteruskan, ditambahbaik dan memberi faedah kepada semua demi memartabatkan demokrasi di negara kita yang tercinta ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR  
[TEMERLOH]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR [TEMERLOH] minta  
PERDANA MENTERI menyatakan :**

- (a) adakah kerugian tahunan FELDA yang melebihi RM 1 bilion setahun menjadi punca masalah kepada pencazum pencazum Koperasi Permodalan FELDA (KPF) untuk mengeluarkan wang pelaburan sejak pertengahan tahun lepas; dan
- (b) langkah Kerajaan mengatasi permasalahan ini.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,  
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA  
DAN WILAYAH**

Tuan Yang di-Pertua,

Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) ditubuhkan pada 1 Julai 1980 di bawah Ordinan Koperasi 1948 (ditukarkan kepada Akta Koperasi 1993) merupakan entiti yang beroperasi secara mandiri mempunyai barisan Anggota Lembaga dan pasukan Pengurusan yang berbeza daripada FELDA. Aktiviti pelaburan dan perniagaan yang dijalankan KPF dan kewangan tidak berkait dengan prestasi kewangan atau kerugian FELDA.

Walaupun bagaimanapun, KPF merupakan salah satu entiti yang berada dalam ekosistem Kumpulan FELDA melalui dasar kebersamaan untuk mencapai matlamat dan kepentingan bersama.

Antara langkah-langkah Kerajaan bagi mengatasi permasalahan ini ialah:

1. Lembaga KPF mengambil serius saranan daripada FELDA, telah menubuhkan Jawatankuasa Task Force (JTF) pada 10 Februari 2023 untuk merangka hala tuju perniagaan dan pemulihan KPF.
2. Menginsafi kekangan aliran tunai yang ketat untuk memenuhi tuntutan pengeluaran syer oleh anggota yang tertunggak ketika ini dan selari dengan syor JTF, Anggota Lembaga KPF telah dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif antaranya eksekusi pelupusan aset-aset pelaburan yang tidak menjanakan hasil dan mempunyai hasil yang rendah (*non-yielding* dan *low-generating*), penstrukturan semula pelaburan dalam syarikat bersekutu, dan memperkasa aktiviti perniagaan kumpulan. Sebahagian eksekusi ini diunjurkan dapat dimuktamadkan sebelum penghujung tahun 2024.

## **NO SOALAN : 40**

3. Sehingga September 2024, jumlah pengeluaran syer anggota telah diproses berjumlah RM92.91 juta (2023: RM49.54 juta). Disamping itu, dividen bagi tahun kewangan 2023 juga telah selesai dengan jayanya pada kadar 5.0% berjumlah 108.85 juta pada September 2024. Permohonan pengeluaran syer oleh anggota dibuat berperingkat berdasarkan kedudukan aliran tunai semasa.
4. Pelan penstrukturan dan halatuju yang diluluskan oleh lembaga KPF ini adalah untuk menangani isu pengeluaran syer anggota yang tertunggak, pendapatan jangka panjang yang mampan dan mengembalikan defisit kepercayaan anggota terhadap KPF.
5. Langkah ini juga selaras dengan hasrat dan usaha untuk mengembalikan kecemerlangan dan kegemilangan KPF seperti sebelum ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH  
[LEDANG]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan pelaksanaan Strategi Anti Rasuah Negara dan pertimbangan melibatkan peranan masyarakat sivil secara aktif dalam melaksanakannya.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional (NACS) yang diluncurkan oleh YAB Perdana Menteri pada 7 Mei 2024 memfokuskan kepada kesejahteraan rakyat. NACS menekankan lima (5) strategi utama iaitu Pendidikan, Kebertanggungjawaban Awam, Suara Rakyat, Penguatkuasaan dan Insentif yang didukung dengan 60 substrategi secara keseluruhannya dengan penglibatan beberapa agensi yang berkaitan termasuk Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM).

2. Bagi suara rakyat, NACS banyak menumpukan kepada perkara-perkara berkaitan kerjasama Kerajaan bersama pihak lain termasuk pihak swasta, institusi agama, sivil, perniagaan serta pertubuhan bukan Kerajaan.

3. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah dipilih sebagai Ketua Agensi Peneraju bersama Institut Integriti Malaysia (IIM) dalam melaksanakan sesi-sesi libat urus yang berkaitan dan beberapa sesi telah diadakan sebelum ini bermula pada bulan Julai 2024, terutama sekali yang melibatkan masyarakat orang asli, pihak institusi agama, pihak pertubuhan perniagaan dan pertubuhan bukan Kerajaan. Pelaporan bagi maksud tersebut juga akan disediakan setiap tahun berakhir.

4. Sehingga Oktober 2024, beberapa inisiatif telah dilaksanakan dan mencapai output yang dihasratkan iaitu:

- (i) **Garis Panduan Mengenai Pengurusan dan Tatakelola Badan Berkanun Persekutuan (BBP)** telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional (JKKTN) pada **8 Januari 2024** dan dikeluarkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan

## NO SOALAN : 41

Perdana Menteri pada 30 April 2024 bagi menggantikan Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 1998. Garis panduan ini antara lain memperkukuh proses pelantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah BBP, memperkasa peranan Audit Dalam, memperkukuh struktur dan komposisi keahlian Lembaga Pengarah dan mewujudkan Sistem Badan Berkanun Persekutuan (SBSys) sebagai mekanisme pengawalseliaan BBP;

- (ii) **Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2023 berhubung Tatakelola Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) dan Syarikat Berhad Menurut Jaminan Kerajaan (CLBG)** yang dikeluarkan pada **20 Mei 2024** bertujuan untuk memberi panduan kepada Kementerian Pengawal dalam pelaksanaan peraturan dan prosedur berkaitan dengan pengurusan dan tatakelola SBK dan CLBG, antaranya dari segi peranan dan tanggungjawab Kementerian Pengawal, pengisytiharan harta, tapisan keutuhan dan tapisan keselamatan serta konflik kepentingan; dan
- (iii) **Garis Panduan Pengendalian Sokongan oleh Anggota Pentadbiran dalam Urusan Kerajaan** diperkenalkan pada **21 Mei 2024** bagi memastikan surat sokongan tidak disalah guna bagi tujuan kepentingan peribadi. Garis panduan ini adalah sebagai peringatan berhubung subseksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 [*Akta 694*] berhubung larangan penggunaan jawatan atau kedudukan untuk apa-apa suapan, sama ada kepentingan peribadinya, saudaranya atau sekutunya.

5. Selain itu, terdapat beberapa inisiatif yang dijangka akan dapat diselesaikan pada tahun hadapan seperti berikut:

- i. **Penggubalan Rang Undang-undang (RUU) Kebebasan Maklumat** oleh BHEUU, JPM bagi memberi akses kepada rakyat untuk mendapatkan maklumat daripada badan awam dan Kerajaan. Langkah ini diambil bagi memastikan penyampaian perkhidmatan awam dipertingkatkan melalui

## NO SOALAN : 41

penglibatan rakyat dalam proses pembentukan dasar negara selaras dengan NACS;

- ii. **Penggubalan RUU Perolehan Kerajaan** bagi memperkasa tatakelola perolehan Kerajaan secara perundangan selaras dengan NACS, antaranya melalui pengwujudan mekanisme aduan dan bantahan selaras dengan piawaian antarabangsa; dan
- iii. **Menggalakkan semua syarikat gred G7** yang mempunyai Sijil Perolehan Kerajaan (SPKK) untuk mendapatkan pensijilan MS ISO 37001 *Anti-Bribery Management System* (ABMS) dan diberi keutamaan dalam perolehan Kerajaan bagi perolehan kerja bernilai RM100 juta ke atas bagi tempoh 2 tahun pertama. Inisiatif ini juga menyokong prinsip liabiliti korporat di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009.

6. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai penzahiran ketelusan pentadbiran Kerajaan, SPRM kini sedang membangunkan satu Dashboard NACS bagi memaparkan kepada umum berkaitan status pelaksanaan setiap substrategi NACS sepertimana Sistem Paparan Susulan Laporan Ketua Audit Negara (*Auditor's General (AG) Dashboard*). Sekiranya pelaksanaan substrategi tersebut telah selesai, umum juga akan dapat melihat keberhasilan daripada pelaksanaan substrategi berkenaan sama ada melibatkan dapatan kajian, dasar atau perundangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN TAN HONG PIN**  
**[BAKRI]**  
**TARIKH : 23 OKTOBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN TAN HONG PIN [BAKRI] minta MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI menyatakan :**

- a. adakah Kerajaan merancang untuk menubuhkan Dana ESG Nasional serta menyediakan insentif kewangan dan program sokongan bagi membantu PKS meningkatkan keupayaan pengurangan karbon mereka; dan
- b. langkah Kerajaan untuk meningkatkan kesedaran, menyediakan latihan teknikal dan membantu PKS menghadapi pelaksanaan CBAM oleh Kesatuan Eropah pada 2026.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Di bawah Belanjawan 2024, terdapat beberapa insentif kewangan hijau dan program sokongan bagi membantu PMKS dalam meningkatkan peralihan kepada amalan berkaitan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG), amalan hijau, serta keupayaan pengurangan karbon. Ini termasuklah:

- i. Dana jaminan sehingga RM20 bilion diperuntukkan melalui Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) untuk PMKS yang terlibat dalam ekonomi hijau, teknologi tinggi dan bidang halal. Sehingga 30 September 2024, sebanyak RM1.59 billion daripada jumlah yang diperuntukkan tersebut telah diluluskan jaminan pembiayaan oleh SJPP. Dana tersebut memberi manfaat kepada 998 syarikat pemohon, di mana 141 syarikat pemohon adalah di bawah kategori ekonomi hijau dan 857 syarikat pemohon adalah di bawah kategori teknologi tinggi;
- ii. Penyediaan pembiayaan sebanyak RM200 bilion oleh institusi perbankan yang diselaraskan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menggalakkan peralihan ekonomi rendah karbon;
- iii. Pelanjutan insentif pelepasan cukai iaitu *Green Investment Tax Allowance* (GITA) dan *Green Income Tax Exemption* (GITE) sehingga tahun 2026, yang kini diselaraskan oleh Perbadanan Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia (*Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation* – MGTC);
- iv. Potongan cukai sehingga RM50 ribu ke atas perbelanjaan berkaitan ESG yang dilakukan, bermula dari tahun 2024 hingga 2027 yang diselaraskan oleh Kementerian Kewangan (MOF); dan
- v. Potongan cukai tambahan sehingga RM300 ribu untuk perbelanjaan yang dilakukan bagi tujuan pemantauan, pelaporan dan pengesahan (*monitoring, reporting and*

*verification* – MRV) khususnya bagi pembangunan projek karbon yang diselaraskan oleh MGTC dan Bursa Malaysia.

2. Kerajaan akan terus menyediakan dana dan insentif kewangan serta langkah percukaian yang bersesuaian bagi memastikan PMKS mendapat manfaat serta sokongan dalam peralihan kepada amalan perniagaan yang lebih mampan dan lestari.
3. Sebagai usaha untuk menghadapi peraturan-peraturan baharu yang dilaksanakan oleh rakan dagang Malaysia termasuk Mekanisme Penyesuaian Sempadan Karbon (*Carbon Border Adjustment Mechanism* – CBAM), MITI telah melancarkan Rangka Kerja Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus Industri Kebangsaan (*i-ESG Framework*) pada 2 Oktober 2023. Inisiatif ini yang merupakan salah satu tindakan di bawah Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (*New Industrial Master Plan* – NIMP 2030) bertujuan mendorong sektor pembuatan di Malaysia, dalam mencapai aspirasi Kerajaan ke arah matlamat sifar bersih (*net zero*) pada tahun 2050.
4. Serentak dengan pelancaran Rangka Kerja ini, MITI telah memperkenalkan satu dokumen panduan permulaan (*i-ESGStart*) bagi membimbing industri untuk memulakan amalan berkaitan ESG, meliputi aspek yang perlu didedahkan serta kaedah mengurangkan pelepasan karbon dalam pengeluaran produk mereka. Dokumen tersebut juga memberi panduan untuk mengira jumlah pelepasan gas rumah hijau (*greenhouse gas* – GHG) syarikat pembuatan mengikut skop – satu, dua dan tiga.
5. MITI bersama-sama Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) serta pelbagai kementerian dan agensi yang berkaitan, akan terus menggiatkan langkah untuk membantu industri pembuatan tempatan, khususnya bagi pengeksport produk dan perkhidmatan ke pasaran Eropah.
6. MATRADE telah memperkenalkan inisiatif *Sustainability Action Values for Exporters* (SAVE) pada tahun 2019, di mana inisiatif khusus ini bertujuan untuk mendorong lebih ramai pengeksport bersedia

menghadapi dasar dan peraturan perdagangan baharu, melalui peningkatan amalan kemampanan dan prinsip ESG dalam operasi perniagaan mereka.

7. Selain itu, MITI turut bekerjasama dengan persatuan industri serta dewan perniagaan dalam melaksanakan program kesedaran dan latihan teknikal, yang memberikan keutamaan kepada syarikat PMKS di bawah rangkaian bekalan, supaya kesemua syarikat ini bersedia dan dapat meminimumkan impak kesan pelaksanaan peraturan-peraturan baharu termasuklah CBAM pada tahun 2026 kelak.

Sekian, terima kasih.